

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

1. Senaraikan bilangan gerai atau penjaja yang dirobuhkan oleh PBT dan lokasi penjaja tersebut untuk daerah SPU dari tahun 2022 hingga kini.
  - (a) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani masalah gerai yang tidak mendapat permit ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Terdapat hanya satu (1) gerai sahaja yang dirobuhkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di kawasan Daerah Seberang Perai Utara sejak tahun 2022 sehingga April 2024 iaitu gerai yang terletak di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Bertam Perdana, Taman Bertam Perdana, Kepala Batas, Pulau Pinang.
  - (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam usaha untuk membantu menangani masalah gerai yang tidak mendapat permit iaitu seperti berikut:
    - (i) Memudahkan proses pengeluaran lesen/permit kepada penjaja/peniaga kecil iaitu lesen dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;
    - (ii) Menyediakan garis panduan yang boleh diakses melalui laman sesawang PBT sebagai panduan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan seperti Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan;

- (iii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik PBT melalui sesi temu duga ruang niaga yang diadakan dalam jangka masa tertentu;
- (iv) Mengenal pasti lokasi penempatan semula penjaja bagi peniaga/penjaja yang tidak berlesen/tanpa kebenaran; dan
- (v) Mewujudkan Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Awam (Pasar Awam Dan Pusat Penjaja) bagi mensyaratkan pemaju menyediakan pusat penjaja baru (berdasarkan kriteria yang ditetapkan di dalam garis panduan).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

2. Senaraikan tempat *hot spot* dan bilangan pengemis tempatan dan warga asing di Pulau Pinang.
  - (a) Apakah langkah kerajaan dalam mengatasi lambakan pengemis terutama di tempat tumpuan seperti di bank dan pasar malam?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Senarai kawasan / tempat *hot spot* yang menjadi tumpuan pengemis bagi negeri Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Bilangan pengemis dan kutu rayau yang diselamatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang mengikut daerah bagi tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
  - (a) Antara usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang adalah menjalankan operasi mengambil secara berjadual, operasi mengambil secara bersama dan operasi *ad-hoc* mengikut aduan yang diterima. Jumlah operasi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024 mengikut daerah oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang seperti di **LAMPIRAN C**. Selain daripada itu, JKM juga menjalankan kempen kesedaran kepada orang awam iaitu "Bijak Membantu Elak Tertipu" agar tidak sewenang-wenangnya memberikan sumbangan kepada golongan pengemis bagi mengekang aktiviti pengemisan ini.

**LAMPIRAN A****Senarai Kawasan / Tempat *Hot Spot* Bagi Negeri Pulau Pinang  
Mengikut Daerah Untuk Tahun 2024**

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kawasan / Tempat</b>
1	Timur Laut	Maybank KOMTAR
2		Maybank Union Street
3		CIMB Lebuhr Pantai
4		Maybank Gelugor
5		Maybank Jelutong
6	Seberang Perai Utara	Maybank Butterworth
7		<i>Flyover</i> Jalan Bagan Luar
8		<i>Flyover</i> Jalan Pantai Bersih
9		CIMB Kepala Batas
10		Maybank Bertam
11	Seberang Perai Tengah	Maybank Seberang Jaya
12		Maybank Bandar Perda
13		Maybank Padang Lalang
14		Pasar Malam Kubang Semang
15	Seberang Perai Selatan	Maybank Simpang Ampat
16		Bank Rakyat Jawi
17		Pasar Malam Kampung Kepala Gajah
18		Pasar Malam Sungai Bakap
19	Barat Daya	Pasar Malam Jalan Mahkamah
20		Maybank Bayan Baru
21		CIMB Sunshine
22		Masjid Bayan Baru

**LAMPIRAN B****Bilangan Pengemis Dan Kutu Rayau Yang Diselamatkan JKM  
Mengikut Daerah Bagi Tahun 2024**

<b>Daerah</b>	<b>Warganegara</b>	<b>Bukan Warganegara</b>	<b>Jumlah</b>
Barat Daya	21	7	28
Seberang Perai Selatan	2		2
Seberang Perai Tengah	31	8	39
Seberang Perai Utara	24		24
Timur Laut	27	6	33
<b>Jumlah</b>	<b>105</b>	<b>21</b>	<b>126</b>

**LAMPIRAN C****Jumlah Operasi Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2024  
Mengikut Daerah JKM Negeri Pulau Pinang**

<b>Daerah</b>	<b>Bersepadu</b>	<b>Berjadual/Berkala</b>	<b>Aduan</b>	<b>Jumlah</b>
Barat Daya	3	4	21	28
Seberang Perai Selatan			2	2
Seberang Perai Tengah		15	24	39
Seberang Perai Utara	18		6	24
Timur Laut		6	27	33
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>	<b>25</b>	<b>80</b>	<b>126</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

3. Apakah usaha kerajaan dalam mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan 1.2 juta kenderaan keluar masuk ke negeri ini?
- (a) Apakah masalah utama yang dihadapi oleh pengangkutan percuma yang telah disediakan oleh kerajaan?
  - (b) Apakah langkah kerajaan di masa hadapan untuk hadapi masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan 1.2 juta kenderaan keluar masuk ke negeri ini adalah seperti berikut:
- (a) Pihak MBPP telah menyediakan perkhidmatan Bas Shuttle Percuma George Town (CAT) dalam pusat bandar George Town bagi mengurangkan kesesakan di dalam bandar. Perkhidmatan bas ini telah bermula pada 23 Januari 2008 dengan bilangan bas sebanyak 3 buah bas. Namun, bermula November 2014 MBPP telah menambah kepada 5 buah bas memandangkan permintaan pengguna yang semakin meningkat dari masa ke semasa;
  - (b) Kerajaan Negeri juga telah melancarkan program insentif Pas Mutiara (My50) bermula pada Mac 2021 sehingga kini. Melalui subsidi ini, rakyat Pulau Pinang boleh menikmati perkhidmatan bas secara percuma di seluruh negeri Pulau Pinang;

- (c) Pada 1 September 2020 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan perkhidmatan bas percuma menerusi program *Congestion Alleviation Transit (CAT) Bridge* (CT13) yang beroperasi sehingga kini. Perkhidmatan CAT Bridge ini bermula dari Seberang Jaya melalui Jambatan Pulau Pinang sehingga ke kawasan FIZ Bayan Lepas;
- (d) Pada 1 Januari 2023, laluan Bukit Mertajam – Komtar (CT14) telah diperkenalkan. Sehingga kini, sambutan daripada pengguna amat menggalakkan;
- (e) Kerajaan Negeri turut menyediakan perkhidmatan bagi program Bridge Express Shuttle Transit (BEST) KOMTAR untuk pekerja yang bekerja di KOMTAR terutama kepada penjawat awam;
- (f) Merangka untuk mewujudkan lorong bas di sebahagian jalan di pusat bandar bagi memendekkan waktu perjalanan bas serta menarik lebih ramai orang untuk menggunakan bas;
- (a) Buat masa ini jumlah penumpang yang menggunakan pengangkutan awam percuma semakin meningkat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa akan memantau perkhidmatan tajaan kerajaan negeri dari masa ke semasa agar perkhidmatan sentiasa berada pada tahap paling optimum; dan
- (b) Menerusi pelaksanaan Penang Transport Master Plan (PTMP) yang merupakan strategi pengangkutan jangka masa panjang bagi negeri Pulau Pinang, berikut merupakan langkah-langkah pada masa hadapan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas secara holistik:
  - (i) **Projek Pakej 2 - Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Ayer Itam**

Projek Pakej 2 - Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam sepanjang 6 km merupakan salah satu komponen projek jalan-jalan utama dan terowong di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP). Reka bentuk jajaran Pakej 2 melibatkan pembinaan jejambat (viaduct), terowong, Reinforced Earth Wall dan tiga (3) persimpangan (interchange) di Lebuhraya Thean Teik, Kg. Kastam dan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

**(ii) Projek Penang Light Rail Transit (LRT).**

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

MRT Corp telah memulakan proses perolehan untuk projek ini dan pemeriksaan awam untuk segmen 2 iaitu dari KOMTAR ke Penang Sentral akan dilaksanakan pada suku keempat 2024. Pemeriksaan awam bagi jajaran dari Pulau Silikon ke KOMTAR tidak perlu dilaksanakan semula buat masa ini kerana ia adalah jajaran yang sama seperti yang telah ditentukan sebelum ini.

Setelah proses perolehan dimuktamadkan, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada suku pertama tahun 2025.

Pembukaan keseluruhan laluan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2030.

**(iii) Projek Pan Island Link 1 (PIL1)**

Fasa pembinaan bagi Projek PIL 1 masih tidak dapat dilaksanakan pada masa ini memandangkan Kerajaan Negeri mempunyai kekangan peruntukan walaupun, rekabentuk awal dan beberapa kelulusan wajib seperti *Environmental Impact Assessment (EIA)*, *Traffic Impact Assessment* dan sebagainya telah diperolehi. Kerajaan Negeri masih dalam tindakan untuk mendapatkan peruntukan untuk menjayakan komponen ini.

- 1) Selain itu, komponen-komponen lain belum dilaksanakan dan masih dalam tahap cadangan. Antara beberapa cadangan bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di lokasi-lokasi tertentu adalah seperti berikut:
  - a) Penambahbaikan persimpangan Lebuhraya Butterworth ke Kulim (BKE) – dicadangkan untuk pengubahsuaian menjadi jejambat sehalua tiga tingkat untuk mengurangkan trafik di persimpangan tersebut sebanyak 20% (sasaran), meningkatkan operasi bulatan dan memendekkan masa menunggu;
  - b) Penambahbaikan persimpangan Juru – cadangan merangkumi pelebaran jalan, pengubahsuaian pertukaran Juru kepada sistem *Diverging Diamond Interchange* dan

penyelarasan masa lampu isyarat di persimpangan Jalan Kebun Nanas dan Jalan Perusahaan;

- c) Laluan Raja Uda ke Bukit Mertajam – dicadangkan untuk menambah baik kesaling hubungan antara Raja Uda di Butterworth dengan Bukit Mertajam; dan boleh dilanjutkan ke Kepala Batas dan Kulim pada masa hadapan mengikut keperluan. Jajaran dan sistem tertakluk kepada semakan dan kajian; dan
- d) Laluan Permatang Tinggi ke Batu Kawan – dicadangkan untuk menghubungkan kawasan perindustrian dan perumahan ke stesen KTM di Simpang Ampat dan Laluan Raja Uda - Bukit Mertajam; serta boleh dilanjutkan ke Seberang Jaya dan Nibong Tebal pada masa hadapan mengikut keperluan. Jajaran dan sistem tertakluk kepada semakan dan kajian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

4. Senaraikan kes *scammer* di Pulau Pinang mengikut kategori dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Berapakah anggaran kerugian yang direkodkan?
  - (b) Mengapa usaha Kerajaan Negeri sebelum ini dalam menoktahkan masalah ini gagal?
  - (c) Apakah usaha proaktif Kerajaan Negeri dalam menangani kes ini?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

4. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), senarai kes *scammer* di Pulau Pinang mengikut kategori dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>KES SCAMMER</b>	<b>PERINCIAN KES</b>
1	<i>Telecommunication Fraud</i>	<i>Phone Scam</i>
2		Tipu Tawaran Secara Dalam Talian
3		Tipu Penyamaran Secara Dalam Talian
4	<i>Love Scam</i>	-
5	<i>e-Financial Fraud</i>	-
6	<i>e-Dagang</i> (Belian Secara Dalam Talian)	-
7	Pinjaman Tidak Wujud	-
8	Tipu Pelaburan	-

- (a) Anggaran kerugian yang direkodkan bagi kes *scammer* di Pulau Pinang mengikut kategori dari tahun 2020 sehingga kini berjumlah RM354,989,168.69.

- (b) Usaha PDRM dalam menangani masalah jenayah siber ini bukanlah dikira gagal, kerana dapat dilihat dengan usaha-usaha kempen pencegahan yang telah dijalankan oleh pihak polis berkaitan modus operandi jenayah siber didapati terdapat penurunan kes dari setahun ke setahun. Tetapi dengan kemajuan teknologi zaman kini, tiada sekatan orang ramai untuk menggunakan teknologi. Kepesatan era digital turut membuka ruang untuk penjenayah-penjenayah siber ini mencipta dan mencari peluang untuk melakukan kegiatan 'scammer'. Pihak PDRM telah melakukan pelbagai usaha pencegahan misalnya ceramah-ceramah kesedaran, pameran-pameran, serta aktiviti turun padang seperti *walk about*, *high profile policing*, sembang santai dan *meet & greet* dengan orang awam serta hebahan-hebahan melalui siaran media sosial.
- (c) Selain daripada pelbagai kempen yang diadakan menggunakan semua medium yang ada, terkini usaha PDRM bersama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi telah mewujudkan National Scam Response Center (NSRC).

NSRC ditubuhkan sebagai pusat operasi untuk menyelaraskan tindak balas pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian. Tindak balas ini termasuk pengesahan dana yang dicuri secara lebih cepat dan tindakan penguatkuasaan terhadap penjenayah. Mangsa yang telah diperdaya boleh menghubungi talian hotline (997) dalam tempoh 24 jam setelah diperdaya dalam penipuan atas talian ini. Tindakan segera menghubungi pihak bank atau NSRC adalah sangat penting bagi membolehkan tindakan menyekat pengeluaran wang mangsa selanjutnya daripada sistem perbankan.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersil juga ada mewujudkan sistem semak *mule* yang mana masyarakat boleh muat turun aplikasi tersebut melalui *Play Store* dan boleh menggunakan aplikasi ini untuk semak nombor akaun dan nombor telefon yang terlibat dengan *mule* akaun. Ini antara langkah awal untuk mengelakkan diri menjadi mangsa penipuan siber.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

5. Senaraikan tempat-tempat pelancongan di DUN Pinang Tunggol.
- (a) Apakah usaha kerajaan untuk membangunkan tempat pelancongan di DUN ini?
  - (b) Apakah insentif yang akan diberikan kepada individu yang berhasrat untuk membangunkan tempat pelancongan tersebut?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Senarai tempat-tempat pelancongan di dalam DUN Pinang Tunggol adalah seperti berikut:
- (i) Batu Sempadan British-Siam Pinang Tunggol
  - (ii) Jambatan Keretapi Lama Pinang Tunggol
  - (iii) Pantai Kamloon
  - (iv) Bicycle Stop Point, Kampung Permatang Saga
  - (v) Galeri Arkeologi Guar Kepah sedang dalam pembinaan dan dijangka dapat dibuka kepada orang ramai pada hujung tahun 2024.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan kerja-kerja naik taraf membaik pulih pagar, struktur bumbung dan papan kenyataan maklumat di Batu Sempadan Siam – British 1831 yang menjadi simbol

sempadan antara dua negeri yang menjadi antara produk pelancongan di Seberang Perai Utara pada tahun 2021.

- (b) Tiada peruntukan khusus yang disediakan oleh Kerajaan Negeri buat masa ini kepada individu yang berhasrat untuk membangunkan tempat pelancongan secara persendirian di negeri ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

6. Senaraikan trek basikal yang terdapat di negeri Pulau Pinang mengikut daerah.
- (a) Senaraikan projek terbaru trek basikal yang akan dilaksanakan di negeri ini.
  - (b) Berapakah kos penyelenggaraan yang diperuntukkan untuk menjaga trek basikal ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Senarai trek basikal di negeri Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Projek baharu bagi trek basikal yang akan dilaksanakan di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah dari Balai Bomba (Jalan Tengah) melalui rizab Sungai Keluang sehingga ke kawasan *Free Industrial Zone (FIZ)* yang melibatkan kos sebanyak RM2.03 juta. Manakala senarai projek baharu bagi trek basikal berserta kos yang terlibat di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
  - (b) Jumlah kos penyelenggaraan yang diperuntukkan untuk menyelenggara trek basikal bagi tahun 2023 di kawasan MBPP adalah sebanyak RM136,430.00 manakala di kawasan MBSP pula adalah sebanyak RM18,260.00.

Bagi tahun 2024, pihak MBPP telah menganggarkan peruntukan sebanyak RM137,000.00 bagi tujuan penyelenggaraan. Manakala bagi MBSP pula, kos penyelenggaraan yang dianggarkan adalah sebanyak RM300,000.00 bagi tempoh dua (2) tahun (2024-2025). Anggaran peruntukan ini dibuat bagi tempoh dua (2) tahun kerana penyelenggaraan trek basikal ini dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik secara kontrak untuk tempoh dua (2) tahun.

## SENARAI TREK BASIKAL DI NEGERI PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BAHAGIAN LALUAN
1.	Timur Laut	Dari Padang Kota ke KOMTAR termasuk laluan-laluan sekeliling Kawasan Warisan
2.	Timur Laut	Jambatan merentangi Sungai Pinang
3.	Timur Laut	Membina Dan Menaik Taraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Dari Straits Quay (Tanjong Tokong) Ke Padang Kota Lama, Pulau Pinang
4.	Timur Laut	Jambatan basikal dan pejalan kaki yang merentangi <i>Outfall</i> S22 di Persiaran Karpal Singh
5.	Timur Laut	Membina Dan Menaik Taraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Dari Straits Quay (Tanjong Tokong) Ke Tanjung Bungah (Flamingo Hotel)
6.	Timur Laut	Membina Dan Menaik Taraf Laluan Basikal Di Sebahagian Rezab Sungai Dondang Dan Rizab Sungai Ayer Itam Serta Kawasan Sekitar Ayer Itam
7.	Timur Laut & Barat Daya	Dari KOMTAR Melalui Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu Ke Queensbay
8.	Barat Daya	Dari Queensbay Ke Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah  (Termasuk jambatan merentangi Sungai Keluang, Sungai Tiram Dan Parit Mox)
9.	Barat Daya	Pembinaan Jejantas Basikal Dan Pejalan Kaki Di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu Berdekatan Queensbay Serta Pembinaan Jambatan Basikal Merentangi Sungai Ara Dan Sungai Nibong, Pulau Pinang
10.	Barat Daya	Membina Dan Menaik Taraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Dari Queensbay Ke Bayan Baru, Pulau Pinang
11.	Barat Daya	Membina Dan Menaik Taraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Di Sebahagian Jalan Mahsuri (Fasa 1)
12.	Barat Daya	Membina Dan Menaik Taraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Di Kawasan Bayan baru (Fasa 2)
13.	Barat Daya	Membina Dan Menaik Taraf Laluan Basikal Di Lebuhraya Kampung Jawa, Bayan Baru Dan Jalan Tanjung Bungah
14.	Seberang Perai Tengah	Taman Tunku, Seberang Jaya

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BAHAGIAN LALUAN</b>
15.	Seberang Perai Tengah	Kolam Tekoma, Bandar Perda
16.	Seberang Perai Tengah	Kawasan lapang Taman Inderawasih
17.	Seberang Perai Tengah	Lingkarang Bougainvillea, Bandar Perda
18.	Seberang Perai Selatan	Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian
19.	Seberang Perai Selatan	Batu Kawan

**LAMPIRAN B****SENARAI PROJEK BAHARU BAGI TREK BASIKAL DI KAWASAN MAJLIS  
BANDARAYA SEBERANG PERAI (MSBP)**

<b>Bil</b>	<b>Projek</b>	<b>Kos (RM)</b>
1.	Kerja-kerja Reka Bentuk Dan Naik Taraf Laluan Pejalan Kaki/ Berbasikal Di Pesisir Sungai Perai (Taman Inderawasih - Taman Kimsar), Perai, Seberang Perai Tengah Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai (Fasa 2)	500,000.00
2.	Kerja-kerja Reka bentuk Dan Naik Taraf Laluan Pejalan Kaki/ Berbasikal Di Pesisir Sungai Perai (Taman Inderawasih - Taman Kimsar), Perai, Seberang Perai Tengah Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai (Fasa 3)	500,000.00
3.	Kerja-kerja Menaik Taraf Laluan Pejalan Kaki/Berbasikal Di Taman Tunku, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (Bersebelahan Taman Burung) Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai	500,000.00
4.	Pelan Induk Laluan Basikal Bandar Batu Kawan, Seberang Perai Selatan	8,200,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

7. Senaraikan bilangan kes kemalangan motosikal di negeri ini dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kemalangan ini?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

7. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, senarai bilangan kes kemalangan motosikal di negeri ini dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

Daerah	Tahun				
	2020	2021	2022	2023	Jan – April 2024
Timur laut	2313	2341	3673	3804	1173
SPT	2328	2113	3190	3875	1264
SPU	1775	1658	2403	2382	893
SPS	925	684	797	815	300
Barat daya	1157	1327	2145	2160	612
Jumlah	<b>8498</b>	<b>8123</b>	<b>12208</b>	<b>13036</b>	<b>4242</b>

- (a) Langkah PDRM dalam mengurangkan kemalangan ini adalah seperti berikut:
- (i) Peningkatan kempen pendidikan dan kesedaran

Kerajaan boleh melancarkan kempen kesedaran secara meluas/ menyeluruh untuk mendidik pemandu tentang bahaya melawan arus, termasuk tindakan/ hukuman dari

segi undang-undang dan risiko yang timbul daripada tindakan melawan arus tersebut. Ini boleh dilakukan melalui pengiklanan, brosur/ risalah, video pendidikan, program sekolah dan latihan pemandu.

- (ii) Pemasangan papan tanda lalu lintas dan tanda jalan yang jelas

Kerajaan boleh memasang papan tanda lalu lintas yang jelas dan tanda jalan yang mudah dilihat bagi mengelakkan kekeliruan pemandu. Papan tanda arah yang jelas dan tanda larangan lalu lintas mesti diletakkan di tempat strategik terutamanya di persimpangan dan akses jalan yang terdedah.

- (iii) Kolaborasi/ kerjasama bersama agensi penguatkuasa luar

Mengoptimumkan penguatkuasaan sedia ada terhadap penunggang motosikal oleh semua pihak termasuk agensi penguatkuasaan luar untuk turut memainkan peranan masing-masing dengan melakukan penguatkuasaan secara menyeluruh bersama pihak PDRM. Sebagai contohnya seperti Ops Bersepadu antara agensi-agensi penguatkuasa yang lain bersama PDRM.

- (iv) Pihak PDRM, JPJ dan JAS sentiasa mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap penunggang motosikal.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

8. Apakah status cadangan penggunaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri ini?
- (a) Apakah manfaat yang diperoleh daripada pelaksanaan Akta ini?
  - (b) Apakah halangan untuk melaksanakan Akta ini di Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk membuka rundingan bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri Pulau Pinang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 7 Tahun 2024 bertarikh 28 Februari 2024 dan surat 'Hasrat Rundingan Pemakaian Akta 672' daripada pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bertarikh 26 Mac 2024. Proses rundingan tersebut dijangka mengambil masa selama enam (6) bulan sebelum satu keputusan dapat dimuktamadkan.
- (a) Antara manfaat pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 adalah seperti berikut:
    - (i) Peruntukan undang-undang yang lebih terperinci dan komprehensif untuk pengurusan sisa pepejal termasuk kawal selia syarikat kontraktor persendirian;

- (ii) Menyediakan kemudahan fasiliti pengurusan dan rawatan sisa pepejal yang selamat dan terancang serta penyediaan tong sampah yang seragam;
  - (iii) Memperuntukkan denda yang lebih berat bagi kesalahan berkaitan pembuangan sisa pepejal secara haram dan pencemaran alam sekitar;
  - (iv) Penjimatan peruntukan kewangan dan khidmat sokongan teknikal dari segi pemulihan dan penutupan selamat kawasan-kawasan lokasi pembuangan sampah haram;
  - (v) Mempromosikan amalan pengurusan sisa pepejal yang mampan dan mesra alam melalui penyediaan dan penyeragaman pelan pengurusan sisa pepejal;
  - (vi) Perbezaan bayaran bagi kenaikan kos kepada syarikat konsesi ditanggung oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bagi kawasan yang telah diserahkan perkhidmatan selepas penerimaan Akta 672; dan
  - (vii) Penyediaan jentera dan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dapat ditingkatkan.
- (b) Halangan bagi pemakaian Akta 672 di negeri Pulau Pinang sedang dikaji oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara teliti dan mendalam bagi memastikan syarat-syarat yang akan dikemukakan kepada JPSPN dan SWCorp dapat menjamin kepentingan Kerajaan Negeri dan PBT kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

9. Senaraikan bilangan kelulusan lesen penjualan mercun dan bunga api di Pulau Pinang tahun ini mengikut DUN.
- (a) Apakah syarat untuk memohon lesen jualan mercun dan bunga api ini?
  - (b) Berapakah jumlah hasil diperolehi Kerajaan Negeri daripada lesen tersebut?
  - (c) Berapakah bilangan kecederaan disebabkan mercun tahun ini di Pulau Pinang?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

9. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, bilangan kelulusan permit penjualan mercun dan bunga api di Pulau Pinang mengikut DUN adalah seperti berikut:

**JUMLAH KELULUSAN PERMIT PENJUALAN MERCUN DAN BUNGA API MENGIKUT  
DUN NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 2024 (SEHINGGA APRIL)**

<b>IBU PEJABAT POLIS DAERAH</b>	<b>KOD DUN</b>	<b>DUN</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>SEBERANG PERAI UTARA</b>	N1	PENAGA	24
	N2	BERTAM	39
	N3	PINANG TUNGGAL	14
	N4	PERMATANG BERANGAN	31
	N5	SUNGAI DUA	15
	N6	TELOK AYER TAWAR	20
	N7	SUNGAI PUYU	42
	N8	BAGAN JERMAL	50
	N9	BAGAN DALAM	13
<b>SEBERANG PERAI TENGAH</b>	N10	SEBERANG JAYA	28
	N11	PERMATANG PASIR	1
	N12	PENANTI	13
	N13	BERAPIT	5
	N14	MACHANG BUBOK	35
	N15	PADANG LALANG	20
	N16	PERAI	7
	N17	BUKIT TENGAH	13
<b>SEBERANG PERAI SELATAN</b>	N18	BUKIT TAMBUN	12
	N19	JAWI	24
	N20	SUNGAI BAKAP	31
	N21	SUNGAI ACHEH	5
<b>IBU PEJABAT POLIS DAERAH</b>	<b>KOD DUN</b>	<b>DUN</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>TIMUR LAUT</b>	N22	TANJONG BUNGA	18
	N23	AIR PUTIH	17
	N24	KEBUN BUNGA	1
	N25	PULAU TIKUS	1
	N26	PADANG KOTA	2
	N27	PENKALAN KOTA	11
	N28	KOMTAR	10
	N29	DATOK KERAMAT	20
	N30	SUNGAI PINANG	13
	N31	BATU LANCANG	18
	N32	SERI DELIMA	12
	N33	AIR ITAM	11
	N34	PAYA TERUBONG	13
	N35	BATU UBAN	18
	<b>BARAT DAYA</b>	N36	PANTAI JEREJAK
N37		BATU MAUNG	0
N38		BAYAN LEPAS	34
N39		PULAU BETONG	17
N40		TELOK BAHANG	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>671</b>

- (a) Syarat yang ditetapkan oleh PDRM untuk memohon lesen jualan mercun dan bunga api adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Jumlah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada lesen bahan letupan adalah seperti berikut:

JABATAN	2024 (Sehingga April 2024)	2023	2022	2021
		RM		
POLIS DAERAH TIMUR LAUT	217.00	283.00	2,710.00	362.00
POLIS DAERAH BARAT DAYA	135.00	179.00	134.00	294.00
POLIS DAERAH SEBERANG PERAI UTARA	199.00	217.00	256.00	132.00
POLIS DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	171.00	759.00	659.00	303.00
POLIS DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN	432.00	988.00	800.00	191.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,154.00</b>	<b>2,426.00</b>	<b>4,559.00</b>	<b>1,282.00</b>

- (c) Berdasarkan rekod pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, data yang dikumpulkan berdasarkan kes yang dirujuk ke Jabatan Kecemasan bagi enam (6) hospital di Pulau Pinang (1 Jan 2024 - 30 April 2024), sebanyak 11 kes kecederaan disebabkan mercun. Tiada kematian dilaporkan. Pecahan kes adalah seperti di bawah:

BIL.	HOSPITAL	KES
1	HOSPITAL PULAU PINANG	2
2	HOSPITAL SEBERANG JAYA	6
3	HOSPITAL BUKIT MERTAJAM	0
4	HOSPITAL KEPALA BATAS	3
5	HOSPITAL SUNGAI BAKAP	0
6	HOSPITAL BALIK PULAU	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG KELIMA BELAS**

(a) Syarat-syarat untuk memohon permit bunga api adalah seperti berikut:

1. Permit jualan bunga api hanya bagi perayaan yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja dibenarkan untuk jualan seperti berikut:
  - i. Hari Raya Aidilfitri/ Aidiladha;
  - ii. Tahun Baharu Cina;
  - iii. Deepavali;
  - iv. Krismas;
  - v. Gawai; dan
  - vi. Keamatan
2. Restoran/ kedai makan tidak dibenarkan sama sekali menjual mercun dan bunga api.
3. Senarai Bunga Api yang dibenarkan untuk jualan umum sempena musim perayaan adalah seperti di **Lampiran A1**.

**3.1 Syarikat Pengimport**

- 3.1.1 Warganegara Malaysia sahaja;
- 3.1.2 Hanya Bunga Api jenis “Happy Boom” dan “Pop-Pop” yang telah diberi kelulusan Dasar Negeri (KDN) sahaja dibenarkan, walau bagaimanapun pengimportan dan penjualan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- 3.1.3 Syarikat mestilah didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- 3.1.4 Syarikat yang telah diberikan kelulusan untuk mengimport/ menyimpan/ menjual bunga api jenis “Happy Boom” dan

“Pop-Pop” hendaklah menggunakan label dan kod item produk mengikut spesifikasi yang dibenarkan;

- 3.1.5 Kod/ label pada produk diselaraskan mengikut jenis dan logo syarikat masing-masing. (Cadangan penggunaan sistem hologram keselamatan pada kotak item bunga api);
- 3.1.6 Syarikat pengimport hanya boleh menjual bunga api seperti di **Lampiran A1** dan berurus niaga dengan peniaga kecil/ peruncit/ pasar raya yang memenuhi syarat di **para 3.2**;
- 3.1.7 Syarikat hendaklah memastikan ejen yang dilantik mematuhi syarat-syarat sepertimana di **para 3.3**;
- 3.1.8 Syarikat pengimport hanya dibenarkan menjual bunga api seperti di **Lampiran A2** kepada pembeli/ individu yang mempunyai surat kelulusan dan Ketua Polis Daerah (KPD). Kelulusan KPD kepada persatuan/ pembeli/ individu hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - i. Warganegara Malaysia sahaja;
  - ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun;
  - iii. Tapisan keselamatan oleh PDRM;
  - iv. Had kuantiti pembelian hanya dua (2) jenis sahaja dibenarkan;
  - v. Tempat bermain adalah di kawasan lapang dan hendaklah dipastikan selamat; dan
  - vi. Tempoh masa tidak melebihi jam 12 tengah malam yang boleh mendatangkan kacau ganggu atau bahaya kepada orang lain (Seksyen 13, Akta Kesalahan Kecil 1955).
- 3.1.9 Syarikat pengimport perlu menyerahkan salinan dokumen kelulusan import Kastam kepada ejen yang dilantik;
- 3.1.10 Surat lantikan sah atau surat pengesahan kepada peruncit/ ejen perlu dikeluarkan oleh syarikat pengimport yang telah diberi kelulusan dasar oleh KDN;

- 3.1.11 Pemohonan lesen (Borang C) untuk mengimport bunga api hendaklah dikemukakan enam (6) bulan lebih awal dari kelulusan menjual (mengikut budi bicara);
- 3.1.12 Syarikat pengimport hendaklah mempunyai *magazin* yang telah diluluskan oleh KDN (Seksyen 25, Akta Bahan Letupan 1957) dan mengikut ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan oleh Bahagian Persenjataan PDRM;
- 3.1.13 Tarikh luput bunga api daripada pengilang perlu dilabelkan dengan jelas pada bungkusan bunga api;
- 3.1.14 Stok bunga api yang tidak digunakan atau tidak terjual oleh mana-mana pihak termasuk peniaga kecil dan peruncit hendaklah diserahkan kembali kepada syarikat pengimport untuk simpanan semula di dalam *magazin*;
- 3.1.15 Stok bunga api yang tamat tempoh hendaklah dilupuskan dengan melantik syarikat yang kompeten untuk membuat pelupusan;
- 3.1.16 Kos pelupusan hendaklah ditanggung sendiri oleh pemilik bunga api;
- 3.1.17 Hanya boleh menjual kepada ejen, peruncit dan pasar raya. Mana-mana individu lain dibenarkan sepertimana yang dinyatakan di **para 3.1.8**.
- 3.1.18 Tidak dibenarkan sama sekali mengurus niaga secara *online* atau menerusi sebarang aplikasi media sosial;
- 3.1.19 Mempunyai lesen (Pol. 123 dan Pol. 124) daripada pihak PDRM dengan syarat berikut:
- i. Ditandatangani dan disahkan oleh PJP/ KP;
  - ii. Lesen daripada pihak polis tidak boleh dipindah milik;

- iii. Hanya pemilik lesen sahaja dibenarkan untuk menjual kepada Peniaga Kecil/ Peruncit/ Pasar raya/ Ejen/ Individu;
- iv. Lesen hendaklah ditulis secara terperinci dengan menyatakan “Bunga Api jenis Happy Boom dan Pop-Pop menggunakan label dan kod item yang dibenarkan seperti di lampiran (jenis dan spesifikasi);
- v. Lampiran (jenis dan spesifikasi) yang dikepilkan bersama lesen hendaklah ditandatangani dan disahkan oleh PJP/ KP.

### **3.2 Peniaga Kecil/ Peruncit/ Pasar raya**

3.2.1 Warganegara Malaysia sahaja;

3.2.2 Lesen berniaga yang mengandungi senarai Bunga Api jenis “Happy Boom” dan Pop-Pop” hendaklah dipamerkan bagi tujuan pemeriksaan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa; dan

3.2.3 Tempoh jualan hanya dibenarkan selama 30 hari sahaja (15 hari sebelum dan 15 hari selepas tempoh musim perayaan) tertakluk kepada kelulusan dan budi bicara PJP/ KP;

3.2.4 **Tidak dibenarkan sama sekali:-**

- i. Menjual bunga api kepada pembeli berumur kurang dari 18 tahun; dan
- ii. Urus niaga secara *online* atau menerusi sebarang aplikasi media sosial.

3.2.5 Penjualan di luar kawasan bangunan pasar raya (*wholeseller/ hypermarket*) atau pusat membeli belah (*shopping mall/ shopping centre*) adalah dibenarkan dengan syarat seperti berikut:

- i. Mempunyai tempat simpan selamat dan diperakui oleh Bahagian Persenjataan Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
- ii. Mempunyai Lesen Perniagaan (SSM).

3.2.6 Peniaga kecil dan Bazar adalah dibenarkan dengan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Mempunyai tempat simpan selamat dan diperakui oleh Bahagian Persenjataan Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
- ii. Mempunyai kebenaran (permit/ lesen/ kupon/ surat rasmi) berniaga daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

3.2.7 Mempunyai lesen (Pol. 124) daripada pihak polis dengan syarat-syarat berikut:

- i. Ditandatangani dan disahkan oleh KPD;
- ii. Lesen tidak boleh dipindah milik;
- iii. Hanya pemilik lesen sahaja dibenarkan untuk menjual;
- iv. Lesen hendaklah ditulis secara terperinci dengan menyatakan "Bunga api jenis Happy Boom dan Pop-Pop menggunakan label dan kod item yang dibenarkan seperti di lampiran (jenis dan spesifikasi); dan
- v. Lampiran (jenis dan spesifikasi) yang dikepilkan bersama lesen hendaklah ditandatangani dan disahkan oleh KPD.

3.2.8 Perniagaan runcit seperti 7-Eleven, 99 Speedmart, Mr. DIY dan lain-lain yang seumpamanya hanya dibenarkan menjual satu (1) jenis bunga api sahaja mengikut spesifikasi berikut:

## **Pop-Pop**

- i. Dibungkus dalam kotak berukuran 6.5 sentimeter x 4.5 sentimeter x 2.5 sentimeter;
  - ii. Mengandungi 50 bunga api berbentuk pellet, setiap satu mempunyai ekor sepanjang 2.5 sentimeter; dan
  - iii. Mengeluarkan bunyi popping apabila dicampakkan ke permukaan yang keras.
- 3.2.9 Peniaga kecil/ peruncit/ pasar raya tidak dibenarkan menjual bunga api seperti di **Lampiran A2**.

## **3.3 Ejen**

- 3.3.1 Warganegara Malaysia sahaja;
- 3.3.2 Mempunyai **tempat simpan selamat sementara** yang disahkan oleh Bahagian Persenjataan PDRM kecuali yang membuat pengedaran terus kepada peniaga kecil, peruncit dan pasar raya;
- 3.3.3 Operasi tempat simpanan selamat sementara ini hanya dibenarkan untuk tempoh musim perayaan sahaja seperti yang telah ditetapkan pada **para 3.2.3**;
- 3.3.4 Mempunyai lesen (Pol. 124) daripada pihak polis yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Polis/ Ketua Polis Negeri;
- 3.3.5 **Tidak dibenarkan sama sekali:-**
- i. Menjual bunga api kepada pembeli berumur kurang dari 18 tahun; dan
  - ii. Urus niaga secara *online* atau menerusi sebarang aplikasi media sosial.
- 3.3.6 Ejen tidak dibenarkan menjual bunga api seperti di **Lampiran A2**.

**36 JENIS BUNGA API HAPPY BOOM DAN POP-POP BAGI KATEGORI  
JUALAN UMUM SEMPENA MUSIM PERAYAAN**

<b>BIL.</b>	<b>JENIS</b>	<b>KOD/ LABEL</b>
1.	Pop-Pop	01
2.	Happy Boom Glow of Sunset	02
3.	Happy Boom Sunset Bar	03
4.	Happy Boom Glories	04
5.	Happy Boom Flower Silver Cracking Rain	05
6.	Happy Boom Birthday Candle	06
7.	Happy Boom Dush 20 (Roman Candle)	07
8.	Happy Boom Dush 30 (Roman Candle)	08
9.	Happy Boom 10 Shoots (Roman Candle)	09
10.	Happy Boom 8 Shoots Roman Candle (New)	10
11.	Happy Boom Sun Sparkles	11
12.	Happy Boom Colour Sun Sparkle (18 inci Besi Colour)	12
13.	Happy Boom Fountain	13
14.	Happy Boom 10 inci Ice Cream (Fountain)	14
15.	Happy Boom 15 inci Ice Cream (Fountain)	15
16.	Happy Boom 13 inci Conic (Fountain)	16
17.	Happy Boom Mini Ice Cream (Fountain)	17
18.	Happy Boom Peacock Fountain	18
19.	Happy Boom Happiness Fountain	19
20.	Happy Boom Ground Boom Flower	20
21.	Happy Boom Camelia Flower	21
22.	Happy Boom Firework	22
23.	Happy Boom Pili Cracker	23
24.	Happy Boom Pili Cracker 3 Minutes	24
25.	Happy Boom Moon (Rockets)	25
26.	Happy Boom Thunder Clap (Rockets)	26
27.	Happy Boom Top Gun (UFO)	27
28.	Happy Boom Top Gun	28
29.	Happy Boom Sky Dragon (New)	29
30.	Happy Boom 14 inci Besi	30
31.	Happy Boom Bee	31
32.	Happy Boom Mancis	32
33.	Happy Boom Cili Padi	33
34.	Happy Boom Party Pooper	34
35.	Happy Boom Banana Kecil	35
36.	Happy Boom Banana Hujan	36

**SEMBILAN (9) JENIS BUNGA API HAPPY BOOM BAGI KATEGORI JUALAN  
UMUM SEMPENA MUSIM PERAYAAN (BERSYARAT)**

<b>BIL.</b>	<b>JENIS</b>	<b>KOD / LABEL</b>
1.	Happy Boom Red Cracker (8 inci)	37
2.	Happy Boom Red Cracker (Cake)	38
3.	Happy Boom Celebration Red fire Cracker	39
4.	Happy Boom Assorted Celebration Cake Repeater (1 inci 49 shot)	40
5.	Happy Boom Assorted Celebration Cake Repeater (1.5 inci 138 shot)	41
6.	Happy Boom Shoot Cake (1 inci 16 shot)	42
7.	Happy Boom Shoot Cake (1 inci 25 shot)	43
8.	Happy Boom Shoot Cake (1 inci 36 shot)	44
9.	Happy Boom Tikus 50 (50 Missile)	15

**Nota:** Mana-mana persatuan/ pembeli/ individu hendaklah mendapatkan surat kebenaran daripada pihak PDRM (Ketua Polis Daerah) sepertimana yang dinyatakan di dalam syarat-syarat di **para 3.1.8**

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

10. Apakah usaha kerajaan dalam mengawal anjing peliharaan yang dibawa ke taman rekreasi, tempat umum dan pasar raya yang menjadi perkara sensitif bagi umat Islam?
- (a) Apakah garis panduan pemeliharaan anjing di negeri Pulau Pinang?
  - (b) Bagaimana kerajaan mengawal anjing liar di negeri ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Antara usaha Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam mengawal anjing peliharaan yang dibawa ke taman rekreasi, tempat umum dan pasar raya yang menjadi perkara sensitif bagi umat Islam adalah seperti di jadual berikut:

<b>MBPP</b>	<b>MBSP</b>
(a) Penetapan syarat lesen iaitu larangan memelihara haiwan di dalam premis penyediaan makanan; dan	(a) Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Taman yang menggariskan larangan membawa haiwan peliharaan di taman rekreasi; dan
(b) Penganjuran Kesedaran Kesayangan dan Anjing sebanyak lima (5) kali	Kempen Haiwan Pelesenan

pada tahun 2023 dan akan diteruskan lagi pada tahun ini.	(b) Pematuhan syarat-syarat pemeliharaan berdasarkan Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing dan Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau.
--	---

(a) Garis panduan pemeliharaan anjing di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) **Undang-Undang Kecil (Anjing-anjing) 1979**

- 1) Anjing yang telah mencapai umur 3 bulan perlu dilesenkan dan didaftarkan atas nama pemilik; dan
- 2) Langkah kawalan bagi pemeliharaan anjing, kawalan penyakit berjangkit dan penganiayaan terhadap anjing.

(ii) **Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980**

- 1) Anjing yang telah mencapai umur 3 bulan perlu dilesenkan dan lesen perlu diperbaharui setiap tahun; dan
- 2) Pemilik bertanggungjawab dalam pengurusan najis dan mengelakkan kacau ganggu di kawasan kejiranan

(b) Kerajaan Negeri melalui MBPP dan MBSP mengawal anjing liar dengan kaedah-kaedah seperti berikut:

- (i) Operasi tangkapan harian secara rutin/bancian dan susulan aduan;
- (ii) Usaha sama bersama komuniti dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) setempat melalui Program *Trap, Neuter Release, Manage and Community Engagement* (TNR-M & CE);

- (iii) Program pemandulan bersubsidi di klinik veterinar swasta; dan
- (iv) Penglibatan MBPP dan MBSP dalam program khidmat masyarakat (outreach programme) bersama NGO di kawasan pentadbiran masing-masing.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

11. Senaraikan hasil laporan kebolehlaksanaan / *feasibility study* bagi projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang.
- (a) Sejauh manakah projek ini selamat untuk dilaksanakan?
  - (b) Sejauh manakah projek ini akan mengalami pertindihan dengan Pelan Induk Pembesaran *North Butterwoth Container Terminal* (NBCT)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Berdasarkan hasil kajian Laporan Kebolehlaksanaan (FS), Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang ini adalah selamat dilaksanakan kerana:
- (i) Hasil Laporan Kajian Penyiasatan Tanah (SI) telah mengesahkan ianya selamat untuk dibina terowong dasar laut dengan kaedah *Tunnel Boring Method* (TBM);
  - (ii) Rekabentuk terowong dasar laut telah mengambil kira aspek keselamatan kebakaran yang berdasarkan garis panduan antarabangsa yang terkini;
  - (iii) Kaedah TBM ini merupakan kaedah pembinaan yang akan memberi impak yang paling minima ke atas alam sekitar semasa peringkat pembinaan kelak.

- (b) Mengikut Pelan Induk Pembesaran *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) yang telah dimuktamadkan oleh pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) pada April 2024, dermaga (berth) perlu dipanjangkan bagi memenuhi keperluan pengoperasiannya menjelang tahun 2048.

Oleh hal demikian, ianya akan bertindih dengan jajaran terowong dasar laut yang dicadangkan ini. Walaubagai manapun, keputusan muktamad akan diputuskan dalam mesyuarat MMK selepas perundingan lebih lanjut dengan pihak SPPP.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

12. Senaraikan bilangan premis penjualan *vape* yang terdapat di Pulau Pinang mengikut DUN dari tahun 2020 hingga kini.
- (a) Bagaimana kerajaan serius mengawal dan mengatasi masalah pembelian *vape* oleh murid-murid sekolah?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Senarai bilangan premis penjualan *vape* yang terdapat di Pulau Pinang mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius dalam mengawal dan mengatasi masalah pembelian *vape* oleh murid-murid sekolah. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan undang-undang di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kerajaan Persekutuan buat masa ini yang boleh diguna pakai bagi mengawal penjualan *vape* ini terutamanya kepada murid-murid sekolah.

Oleh yang demikian, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah yang proaktif melalui program-program kesedaran dan penyampaian maklumat berkaitan dengan keburukan pengambilan *vape* iaitu seperti berikut:

- (i) Program Nafas Segar;
- (ii) Program Jerayawara Bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) Barat Daya;

- (iii) Program Generasi Remaja *Excellent* (*GEN REMEX*);
- (iv) Program Kesepakatan Perangi Dadah dan Rokok;
- (v) Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024; dan
- (vi) Kem Persona Potensi Karakter Unggul.

**LAMPIRAN A****SENARAI BILANGAN PREMIS PENJUALAN VAPE MENGIKUT KADUN DARI  
TAHUN 2020 SEHINGGA KINI YANG TERDAPAT DI NEGERI PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>KADUN</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	BERTAM	12
2.	PERMATANG BERANGAN	2
3.	SUNGAI DUA	9
4.	TELUK AIR TAWAR	10
5.	BAGAN JERMAL	15
6.	BAGAN JERMAL	13
7.	SEBERANG JAYA	9
8.	PERMATANG PASIR	2
9.	PENANTI	1
10.	BERAPIT	4
11.	MACHANG BUBOK	4
12.	PADANG LALANG	10
13.	PERAI	28
14.	BUKIT TENGAH	31
15.	BUKIT TAMBUN	12
16.	JAWI	9
17.	SUNGAI BAKAP	15
18.	SUNGAI ACHEH	6
19.	PINANG TUNGGAL	2
20.	PENAGA	5
21.	SUNGAI PUYU	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>200</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

13. Senaraikan bilangan pusat hiburan yang terdapat di Pulau Pinang mengikut kategori di setiap DUN.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Senarai bilangan pusat hiburan yang terdapat di negeri Pulau Pinang mengikut kategori di setiap KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

**LAMPIRAN A****SENARAI PUSAT HIBURAN YANG TERDAPAT DI NEGERI PULAU PINANG  
MENGIKUT KATEGORI KADUN**

<b>BIL.</b>	<b>KADUN</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	BERTAM	11
2.	PERMATANG BERANGAN	2
3.	SUNGAI DUA	1
4.	TELUK AIR TAWAR	1
5.	BAGAN JERMAL	31
6.	SEBERANG JAYA	16
7.	PERMATANG PASIR	2
8.	PENANTI	0
9.	BERAPIT	8
10.	MACHANG BUBOK	22
11.	PADANG LALANG	7
12.	PERAI	22
13.	BUKIT TENGAH	18
14.	BUKIT TAMBUN	10
15.	JAWI	7
16.	SUNGAI BAKAP	2
17.	PADANG KOTA	50
18.	KOMTAR	31
19.	PULAU TIKUS	26
20.	PENKALAN KOTA	4
21.	TANJUNG BUNGAH	20
22.	SUNGAI PINANG	10
23.	SERI DELIMA	8
24.	BATU LANCHANG	3
25.	DATUK KERAMAT	13
26.	BATU UBAN	7
27.	PANTAI JEREJAK	27
28.	BATU MAUNG	1
29.	TELOK BAHANG	4
30.	BAYAN LEPAS	2
31.	PAYA TERUBONG	4
32.	AIR PUTIH	1
33.	AYER ITAM	0
34.	PULAU BETONG	2
35.	KEBUN BUNGA	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>374</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

14. Senaraikan bilangan sindiket pelacuran yang berjaya ditumpaskan di Pulau Pinang mengikut negara asal pelacur dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan negeri ini tidak menjadi sarang pelacuran?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Berdasarkan data daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Pulau Pinang, sebanyak 17 sindiket pelacuran telah dikenal pasti dan berjaya ditumpaskan sepanjang tahun 2020 sehingga April 2024. Sindiket yang ditumpaskan adalah sindiket yang dikategorikan sebagai tidak aktif selepas tindakan undang-undang telah diambil.

Pecahan bilangan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN SINDIKET PELACURAN</b>
2020	4
2021	2
2022	5
2023	5
2024 (sehingga April)	1
<b>JUMLAH</b>	<b>17</b>

Kesemua sindiket ini dikendalikan oleh warga tempatan dan pelacur adalah terdiri daripada warga tempatan dan warga asing. Maklumat negara asal pelacur tidak dikemukakan oleh pihak PDRM.

- (a) Kerajaan Negeri melalui pihak PDRM sentiasa bergerak aktif bagi memastikan negeri ini tidak menjadi sarang pelacuran dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:
  - (i) Menkuatkuasakan undang-undang berkaitan pelacuran dengan melaksanakan rondaan dan operasi khas untuk menangkap pelacur serta individu yang terlibat dalam aktiviti pelacuran;
  - (ii) Bekerjasama dengan pelbagai agensi terutamanya Jabatan Imigresen dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mengatasi isu pelacuran termasuk pemantauan terhadap aktiviti pelacuran yang melibatkan warga asing serta memberi bantuan kepada mangsa pelacuran; dan
  - (iii) Melaksanakan risikan dan pemantauan yang berterusan untuk mengenal pasti dan menangani rangkaian pelacuran, termasuk kumpulan yang terlibat dalam perdagangan manusia dan eksploitasi seksual.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

15. Senaraikan bilangan tangkapan syarikat pinjaman tidak berlesen di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah usaha kerajaan bagi membantu mereka yang telah terjebak dengan pinjaman Ah Long atau pinjaman tidak berlesen ini?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

15. Senarai bilangan tangkapan syarikat pinjaman tidak berlesen di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH TANGKAPAN KES APPW</b>
Timur Laut	162
Seberang Perai Utara	75
Seberang Perai Tengah	104
Seberang Perai Selatan	29
Barat Daya	57
<b>JUMLAH</b>	<b>427</b>

- (a) Usaha PDRM dalam membantu mangsa peminjam Ah long yang tidak berlesen ini adalah dengan memberikan nasihat dan tindakan yang perlu dilakukan jika berhadapan dengan gangguan Ah Long. Salah satunya adalah memberikan nombor telefon bilik gerakan untuk tindakan segera jika mangsa diganggu dan diserang oleh Ah Long. Nasihat juga akan

diberikan kepada mereka untuk tidak terus menjadikan pinjaman Ah Long untuk membayar hutang Ah Long yang lain.

Mangsa turut dinasihatkan untuk segera membuat laporan polis dan memberikan butiran maklumat Ah Long tersebut secara lengkap. Ini kerana mangsa kes Ah Long selalunya tidak dapat memberikan maklumat yang lengkap dan menyukarkan pihak PDRM untuk mengambil tindakan lanjut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

16. Senaraikan bilangan pekerja warga asing tanpa permit yang berjaya ditangkap dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat dan pekerja warga asing tanpa permit tersebut?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Jumlah tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga bulan April 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Operasi	Tangkapan	
		PATI	Majikan
2020	266	546	42
2021	29	79	2
2022	413	488	74
2023	434	520	43
2024 (sehingga April)	284	175	8
<b>Jumlah</b>	<b>1426</b>	<b>1808</b>	<b>169</b>

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang (JIMPP) tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana majikan yang menggajikan pekerja asing tanpa dokumen perjalanan dan pas atau permit kerja yang sah. Sepanjang tahun 2023, seramai 2,696 warga asing telah

diperiksa dan 584 daripada mereka telah ditangkap atas pelbagai kesalahan imigresen.

Selain itu, operasi penguatkuasaan juga akan diteruskan bagi mengesan dan mengambil tindakan terhadap PATI yang melanggar undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63 bagi membanteras banjir PATI. JIMPP menyasarkan untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 800 operasi penguatkuasaan tahun ini berbanding 435 operasi pada tahun 2023 selain menggalakkan warga asing mendaftar dengan Program Repatriasi Migran bagi memberi peluang kepada golongan PATI untuk pulang ke negara asal mereka dengan pengecualian pendakwaan di mahkamah bermula 1 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

17. Senaraikan kejadian kemalangan di tapak pembinaan dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah langkah kerajaan dalam mengatasi masalah kemalangan ini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kejadian kemalangan di tapak pembinaan diklasifikasikan kepada empat (4) kategori kes iaitu maut, hilang upaya kekal, tidak hilang upaya kekal dan kejadian berbahaya. Berikut merupakan statistik kemalangan dari tahun 2020 sehingga 2024 (sehingga bulan Mei).

BIL	KATEGORI KEMALANGAN	BILANGAN KES (MENGIKUT TAHUN)				
		2020	2021	2022	2023	2024
1	Maut	2	3	5	3	0
2	Hilang Upaya Kekal	1	0	0	0	0
3	Tidak Hilang Upaya Kekal	0	7	4	1	0
4	Kejadian Berbahaya	3	9	2	9	1

- (a) Dalam menangani isu kemalangan di tapak pembinaan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah dan sedang melaksanakan tindakan seperti berikut:

- (i) Tindakan operasi penguatkuasaan di tapak pembinaan melalui pemeriksaan rutin yang dijalankan setiap hari yang memfokuskan kepada tapak bina berisiko tinggi, *high rise*, tapak bina status projek mega (kos projek melebihi RM100.0 juta ke atas) serta tapak bina yang pernah berlaku kemalangan;
- (ii) Penguatkuasaan melalui *Safety Patrol Unit* iaitu rondaan oleh pegawai JKKP ke semua lokasi pembinaan bagi mengenal pasti segala ketidakpatuhan menurut Akta yang dikuatkuasakan di tapak bina;
- (iii) Penguatkuasaan berfokus melalui Operasi Tapak Bina yang dijalankan sebanyak tiga (3) kali setahun. Penguatkuasaan berfokus menjurus kepada penumpuan aktiviti kerja yang melibatkan tempat tinggi dan penggunaan perancah;
- (iv) Peningkatan terhadap tindakan punitif seperti pengeluaran notis, surat arahan, kompaun serta pendakwaan di mahkamah hasil daripada ketidakpatuhan perundangan di tapak bina berdasarkan operasi penguatkuasaan dan *Safety Patrol Unit* yang telah dijalankan;
- (v) Penglibatan jabatan dalam sesi libat urus bersama pemegang taruh seperti pelanggan, pereka dan kontraktor melalui sesi pembentangan projek secara bersemuka terutamanya projek yang melibatkan *high rise* dan projek mega (kos projek melebihi RM100.0 juta ke atas);
- (vi) Operasi bersepadu tapak bina bersama agensi penguatkuasaan yang lain seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Tenaga Kerja dan Suruhanjaya Tenaga sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun;
- (vii) Pelaksanaan *Beyond Construction Gate* (BCG) iaitu makluman ketidakpatuhan di tapak bina kepada agensi luar yang berkaitan seperti CIDB, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Tenaga Kerja, Suruhanjaya Tenaga dan Kementerian Kesihatan Malaysia;

- (viii) Penguatkuasaan tapak bina bagi projek berskala besar dan *high rise* melalui penggunaan peralatan keselamatan berteknologi dron; dan
- (ix) Menganjurkan program keselamatan seperti *Occupational Safety and Health in Construction Industry Management* (OSHCIM) iaitu program mengurus risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) pada peringkat perancangan dan reka bentuk dengan melibatkan pelanggan, pereka dan pembina tentang pengurusan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa melaksanakan sesebuah projek pembinaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

18. Senaraikan kawasan yang terlibat dalam pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.
- (a) Berapakah kos untuk pembesaran ini dan dari mana sumber pembiayaan ini?
  - (b) Berapakah pampasan yang telah dikeluarkan dan siapakah yang telah menerima dan akan mendapat pampasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Antara kawasan-kawasan yang terlibat di dalam projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah beberapa kawasan di sekitar LTAPP, Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Garuda. Walau bagaimanapun, buat masa ini senarai lot-lot tanah secara terperinci yang terlibat masih belum diputuskan memandangkan pihak Kementerian Pengangkutan masih dalam usaha memuktamadkan kawasan yang terlibat dengan projek pembesaran LTAPP ini.
- (a) Pembesaran LTAPP ini dianggarkan akan menelan belanja hampir RM1 bilion dan akan dibiayai oleh pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) melalui mekanisme kewangan yang dipersetujui antara Kementerian Kewangan dan pihak MAHB.
  - (b) Buat masa ini tiada pampasan yang telah dikeluarkan memandangkan pengambilan balik tanah masih dalam proses dan belum selesai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

19. Senaraikan konsert-konsert yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang dari tahun 2019 sehingga 2023.
- (a) Berapakah pendapatan yang diperoleh Kerajaan Negeri daripada konsert-konsert tersebut?
  - (b) Apakah garis panduan yang telah ditetapkan Kerajaan Negeri bagi mengadakan konsert di negeri ini?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Senarai konsert-konsert yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang dari tahun 2019 hingga 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri bagi hasil kutipan bayaran duti hiburan melalui Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2019, 2020 dan 2023 adalah sebanyak RM 241,687.36. Walau bagaimanapun, tiada hasil kutipan diperolehi bagi tahun 2021 berikutan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
  - (b) Garis Panduan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada Enakmen Hiburan dan Tempat – Tempat Hiburan 1998 Negeri Pulau Pinang dan Peraturan – Peraturan Hiburan Negeri Pulau Pinang 2001.

**LAMPIRAN A**

<b>TAHUN</b>	<b>KONSERT</b>
2019	Maher Zain Malaysia Tour 2019
2019	Orkestra 'The Ethereal Dragon 2019'
2019	Konsert Harmonika 2019
2019	Konsert Xpdc & Kristal
2019	Fei Yu Ching Farewell World Tour 2019
2019	Konsert Jom Heboh
2020	Konsert Cai Qing
2020	Sid Sriram Live In Penang
2022	Northern Music Festival
2022	Karnival Jom Santai
2022	Konsert Mega Marhaen @ Midtown PERDA
2022	Auto-City New Year Countdown 2022
2023	Fourtwnty Nalar Tour 2023
2023	Konsert Water Festival 2023
2023	Konsert Setia Band 2023
2023	Konsert Jilid Akhir Ella Penang 2023
2023	Konsert The Nisai Thendral Deva Reloaded Live In Penang
2023	Konsert Kesenian Muzik Tradisi Campur Moden Dan Persembahan Boneka
2023	Konsert Pradeep Kumar Inosaikekkudho
2023	Fourtwnty Nalar Album Tour Penang
2023	Konsert Fiesto Penang
2023	Northern Music Festival
2023	Malam Galau Indonesia (Penang) Rundown
2023	Konsert Jom Heboh
2023	Konsert Pentas Healing 3.0
2023	Konsert Mega Marhean
2023	Sambutan Tahun Baru 2024
2023	Penang Food Festival

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

20. Senaraikan permit penutupan jalan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sempena perayaan atau upacara agama di Pulau Pinang.
- (a) Apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk memohon permit penutupan jalan ini
  - (b) Apakah permit yang berkaitan untuk membawa sepanduk, *banner* dan bendera yang berusur agama semasa perarakan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Senarai permit penutupan jalan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sempena perayaan atau upacara agama di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Syarat-syarat yang dikenakan bagi permohonan permit penutupan jalan adalah seperti berikut:

**Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)**

- (i) Kelulusan hendaklah diperoleh daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari segi keselamatan dan lalu lintas;
- (ii) Bantuan daripada anggota PDRM dan RELA hendaklah diperoleh bagi tujuan kawalan lalu lintas;

- (iii) Jalan yang terlibat tidak boleh ditutup sepenuhnya bagi tujuan laluan kecemasan supaya boleh digunakan pada bila-bila masa dan sebarang hadangan yang diletak di atas jalan mestilah boleh dialihkan dengan segera sekiranya berlaku kecemasan;
- (iv) Pemunya dan penduduk di premis-premis sepanjang bahagian jalan yang terlibat mestilah dimaklumkan lebih awal sebelum dibuat penghadangan jalan. Bukti pengedaran notis pemakluman tersebut perlu dikemukakan kepada pihak MBPP. Pihak penganjur juga perlu membuat hebahan melalui akhbar-akhbar arus perdana atau notis makluman untuk memaklumkan orang ramai mengenai program dan cadangan penutupan jalan-jalan;
- (v) Sebarang hadangan yang diletak di atas jalan mestilah boleh dialihkan dengan segera dan tidak boleh mengganggu laluan pejalan kaki. Sebarang perubahan mestilah dimaklumkan terlebih dahulu kepada pihak MBPP;
- (vi) Hadangan-hadangan, papan-papan tanda serta lampu-lampu keselamatan hendaklah disediakan dan diselenggarakan sepanjang masa oleh pihak pemohon mengikut tempoh yang dibenarkan;
- (vii) Pihak pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan orang awam yang mengambil bahagian dan memantau upacara keagamaan/perayaan yang dianjurkan. Oleh yang demikian, pihak pemohon dinasihatkan untuk mengambil insurans tanggungan awam bagi tujuan tersebut;
- (viii) Pihak pemohon perlu menyelaraskan bersama pihak Rapid Penang Sdn. Bhd. berkenaan laluan sementara bagi bas-bas sepanjang tempoh ini;
- (ix) Kebenaran untuk menggunakan petak letak kereta hendaklah dimohon kepada pihak Jabatan Perbendaharaan, MBPP. Pemohon juga perlu

memohon penyewaan petak secara sementara melalui sistem *Penang Smart Parking* (PSP);

- (x) Kebenaran daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MBPP hendaklah dimohon untuk pengurusan sampah dan kebersihan; dan
- (xi) Kebenaran untuk mendirikan khemah hendaklah dimohon kepada pihak Jabatan Kawalan Bangunan, MBPP.

### **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**

- (i) Menyediakan notis pemberitahuan dan papan tanda penutupan jalan untuk pemakluman kepada orang ramai/pengguna jalan raya;
  - (ii) Mengadakan kawalan lalu lintas supaya tidak berlaku halangan atau kesesakan lalu lintas sepanjang upacara keagamaan/perayaan berlangsung;
  - (iii) Memastikan kenderaan-kenderaan tidak diletakkan di sepanjang jalan utama; dan
  - (iv) Binaan secara kekal di atas tempat letak kereta atau jalan adalah tidak dibenarkan.
- (b) MBPP tidak mengeluarkan permit khusus untuk bendera dan sepanduk berunsur keagamaan sempena sambutan perayaan keagamaan bagi sesuatu kaum. Walau bagaimanapun, MBPP hanya mengeluarkan permit iklan sementara (*banner/streamer*) untuk tujuan perniagaan, promosi dan hebahan sesuatu aktiviti yang mengikut peruntukan di bawah Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000. Bagi pihak MBSP pula, permit iklan sepanduk dikeluarkan bertujuan untuk mempamerkan iklan sahaja. Pihak MBSP tidak mengeluarkan permit sepanduk dan bendera yang berunsur agama untuk tujuan perarakan.

**SENARAI PERMIT PENUTUPAN JALAN DI KAWASAN MAJLIS  
BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DAN MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI (MBSP)**

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Perayaan</b>	<b>Nama Jalan</b>
<b>Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)</b>			
1.	2023	Perayaan Kuih Bulan	Tempat Letak Kereta Kompleks Makanan Batu Lacang
2.	2023	Promosi Deepavali	Little India
3.	2023	Pertubuhan Penganut Dewa Qing Yang Gong	Pengkalan Weld
4.	2023	Sambutan Lights In Georgetown Perayaan Kuih Bulan 2023	Jalan Green Hall
5.	2023	Sempurna Karnival Tanglung Pulau Pinang 2023	Lebuh King
6.	2023	Malam Perayaan Kuih Bulan 2023	Jalan Masjid Kapitan Keling
7.	2023	Program Perayaan Kuih Bulan Batu Lancang 2023	Tempat Letak Kereta Kompleks Makanan Batu Lancang
8.	2023	Perayaan Thaipusam	Lebuh Queen (Antara Lebuh Pasar Lebuh Chulia)
9.	2024	Tahun Baru Cina	Taman Ghee Hiang, Lebuh Glugor
10.	2024	Perayaan Thaipusam	Lebuh Queen
11.	2024	Balik Kampung Run	Sebahagian Lebuh Pantai
12.	2024	Chap Goh Meh	Jalan Padang Kota Lama
13.	2024	Tarian Singa Dan Naga	Lebuh Herriot
<b>Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)</b>			
14.	2023	Festival Chap Goh Mei 2023	Jalan di Lorong Perniagaan Melur 1 Dan Lorong Belakang Jalan Susur Jalan Raja Uda Dari Bangunan No. 4379 hingga Bangunan No. 4392, Butterworth, Seberang Perai Utara

## LAMPIRAN A

15.	2023	Perayaan Ulang Tahun St Anne	Jalan Kulim dari persimpangan Jalan Kampung Baru Hingga Jalan Sepakat, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah
16.	2023	Karnival Pesta Tanglung Chong Kuang Dan Larian Karnival Pesta Tanglung Chong Kuang	Jalan Gamelan dari Persimpangan Lorong Gamelan 1 hingga Lorong Gamelan 3, Taman Gamelan Indah, Seberang Perai Selatan
17.	2023	Perarakan Chingay Pesta Pulau Pinang Kali Ke-13	Lorong Bagan Luar 1, Butterworth, Seberang Perai Utara
18.	2024	Aktiviti Keagamaan Oleh Persatuan Penganut Kuan Yin Ting Jiu Wang Seng Hui	Lorong Asas Jaya 1 dari bangunan No. 2033 Hingga Bangunan No. 2042, Kawasan Industri Ringan Asas Jaya, Seberang Perai Tengah

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

21. Terdapat pelbagai pengangkutan rel yang boleh dibina selain LRT seperti MRT, monorail, komuter dan sebagainya. Senaraikan sebab utama LRT dipilih berbanding pengangkutan rel yang lain untuk dibina di Pulau Pinang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Pelbagai sistem pengangkutan rel boleh digunakan sebagai pengangkutan awam. Berbanding dengan sistem MRT (mass rapid transit) yang mempunyai kapasiti yang lebih besar dan monorail yang lebih kecil kapasitinya, sistem transit aliran ringan (LRT) menjadi pilihan kerana dapat memenuhi kapasiti penumpang yang dijangka dan menepati syarat keberkesanannya.

Syarat keberkesanan di sini bermaksud pelaksanaan sistem pengangkutan rel yang tidak akan terjejas oleh kesibukan jalan raya dan kecekapannya (efficiency) dari segi keselesaan penumpang, keselamatan dan penyelenggaraan telah terbukti di merata dunia.

Sistem LRT boleh dibina atas jajaran bertingkat supaya tidak dijejaskan oleh atau mengganggu aliran lalu lintas di jalan raya sedia ada. Jajaran yang bertingkat juga sesuai untuk keadaan Pulau Pinang yang semakin berkembang pesat dan kekurangan tanah. Dalam keadaan seperti ini, sistem komuter/tram yang 'at-grade' (dibina atas jalan) adalah tidak sesuai untuk kawasan pulau.

Para penumpang juga boleh merancang perjalanan masing-masing dengan lebih baik mengikut jadual perkhidmatan LRT. Perjalanan

mereka juga selesa dan selamat kerana risiko kemalangan yang melibatkan LRT adalah amat rendah.

Dengan mengambil kira faktor-faktor ini, sistem LRT telah dipilih untuk dilaksanakan di Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang semakin parah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

22. Pengurusan sampah, apakah langkah kerajaan menambah baik pengurusan sampah di masa hadapan memandangkan penduduk dan kawasan makin bertambah?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Langkah Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menambah baik pengurusan sampah adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan *Integrated Solid Waste Management Center* (ISWMC) Ampang Jajar, Seberang Perai Tengah bagi memproses sisa pepejal dari Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah;
- (ii) Cadangan pembangunan dan pengoperasian Loji *Waste to Energy* (WTE) di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB), Seberang Perai Selatan melalui satu *Request for Proposal*;
- (iii) Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca;
- (iv) Penyediaan Dasar Pengasingan Sisa Organik;
- (v) Pelantikan kontraktor kutipan barangan kitar semula secara dalam talian; dan
- (vi) Mewujudkan pusat kitar semula komuniti di bahagian Pulau dan Seberang Perai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

23. Berapakah bilangan tadika yang dibenarkan dalam satu komuniti?
- (a) Senaraikan syarat untuk pembukaan tadika.
  - (b) Bagaimana Kerajaan Negeri membantu pemilik tadika terutama dalam mengimbangi yuran kepada ibu bapa?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Bilangan tadika yang dibenarkan dalam satu komuniti mengikut Majlis Bandaraya di kawasan perumahan adalah seperti berikut:
- (i) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dibenarkan dua (2) tadika, dua (2) taska dan dua (2) pusat jagaan dalam radius 250 meter; dan
  - (ii) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dibenarkan tujuh (7) tadika/taska/pusat jagaan dalam radius 400 meter tadika di lot-lot kedai
- (a) Syarat pembukaan tadika:
- (i) Carian nama tadika di JPN/PPD;
  - (ii) Daftar SSM;
  - (iii) Hantar borang permohonan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD);
  - (iv) Verifikasi premis;
  - (v) Kelulusan tiga (3) agensi; dan

- (vi) Perakuan pendaftaran dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
- (b) Insentif Kerajaan Negeri dalam membantu pemilik tadika terutama dalam mengimbangi yuran kepada ibu bapa, Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan kepada ibu bapa dari golongan B40 dengan kadar RM600.00 setahun kepada tadika-tadika yang berdaftar dengan JPN.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

24. Senaraikan premis jual arak di kawasan Parlimen Kepala Batas.
- (a) Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh premis menjual arak?
  - (b) Sejauh manakah pemantauan dan pengawasan Kerajaan Negeri supaya syarat tersebut dipatuhi?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Senarai premis-premis penjualan arak di kawasan Parlimen Kepala Batas adalah seperti berikut:

Bil	Nama Premis	Alamat
1	Sunshine Wholesale Mart Sdn Bhd	No.1, Persiaran Dagangan, Pusat Bandar Bertam Perdana, 13200 Kepala Batas.
2	Chuan Hup Huat	No.140, Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas
3	Heok Huat Trading	No.1306, Jalan Datuk Haji Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas.

- (a) Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh premis bagi penjualan arak adalah seperti berikut:

- (i) Waktu operasi untuk penjualan arak secara runcit hanya dibenarkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 9.00 malam termasuk premis yang beroperasi 24 jam;
  - (ii) Menempatkan arak di setiap kabinet yang dikunci selepas tempoh penjualan arak;
  - (iii) Menyediakan papan tanda yang mempamerkan tempoh masa jualan arak dan larangan penjualan arak kepada pelanggan yang berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam.
  - (iv) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang;
  - (v) Tidak membenarkan penjualan / pembekalan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam; dan
  - (vi) Tidak membenarkan sama sekali premis perniagaan menjual arak di bawah flat, *apartment* , kondominium atau rumah kediaman yang sama jenis.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjalinkan kerjasama yang erat dengan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang bagi pemantauan dan pengawasan dalam operasi pemeriksaan penjualan *liquor* / arak di premis-premis perniagaan runcit. Selain itu, syarat-syarat penjualan *liquor* / arak juga diperketatkan melalui penetapan dan pelaksanaan kriteria-kriteria seperti berikut:
- (i) Tidak membenarkan permohonan baharu yang berada di dalam jarak radius kurang 250 meter dari rumah kediaman, rumah ibadat, pusat pendidikan dan padang permainan;
  - (ii) Tidak membenarkan permohonan baru untuk premis perniagaan yang berada di bawah rumah pangsapuri rendah, sederhana dan mewah; dan
  - (iii) Tidak membenarkan aktiviti penjualan *liquor* / arak dijual bersama dengan barangan jualan lain di premis kedai-kedai runcit dan kedai serbaneka bagi permohonan baharu.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

25. Apakah usaha kerajaan dalam meneruskan pelebaran jalan di Jalan Tun Hamdan Syeikh Tahir dari simpang Bertam Perdana 3 hingga ke Tol Bertam untuk mengatasi kesesakan jalan raya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam meneruskan pelebaran jalan di Jalan Tun Hamdan Syeikh Tahir dari simpang Bertam Perdana 3 hingga ke Tol Bertam untuk mengatasi kesesakan jalan raya adalah dengan mensyaratkan pelebaran Jalan Tun Hamdan Syeikh Tahir dari persimpangan Bertam Perdana 3 hingga ke Tol Bertam di dalam pelan kebenaran merancang Tetuan Setia Fontaines Sdn Bhd. Pihak pemaju perlu menyiapkan pelebaran jalan tersebut sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan.

Selain itu, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bersama pihak MBSP akan mengkaji semula bilangan bukaan simpang berlampu isyarat kerana persimpangan yang banyak akan menyebabkan pergerakan kenderaan kurang lancar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

26. Apakah perancangan dan solusi Kerajaan dalam membesarkan Jalan Paya Keladi dalam mengatasi masalah kesesakan di sini?
- (a) Adakah akan ada berlaku pengambilan tanah untuk pembesaran jalan ini?
  - (b) Sekiranya berlaku, bilakah jangkaan ia akan terjadi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Perancangan dan solusi Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam membesarkan Jalan Paya Keladi dalam mengatasi masalah kesesakan di jalan tersebut adalah dengan mensyaratkan pelebaran Jalan Paya Keladi kepada empat lorong dari persimpangan Lebuh Bertam Perdana hingga Persiaran Bertam Perdana 1 di dalam Pelan Kebenaran Merancang Tetuan Bertam Properties Sdn Bhd.
- (b) Tiada pengambilan tanah untuk pembesaran jalan ini memandangkan pelebaran jalan melibatkan tanah hak milik Tetuan Bertam Properties Sdn Bhd.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

27. Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah pencemaran bau najis babi dari Kampung Selamat yang telah merebak sehingga ke kawasan perumahan Bandar Putra Bertam?
- (a) Agensi mana yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini?
- (b) Adakah pemantauan dilakukan oleh agensi tersebut?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Penguatkuasaan dan pengawal seliaan, khususnya terhadap pencemaran yang berpunca daripada ladang babi di Pulau Pinang adalah termaktub di bawah Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 yang merupakan bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP).

Kerajaan Negeri telah berunding dengan penternak babi di Kampung Selamat berkenaan isu bau yang disebabkan oleh penternakan babi ini. Punca utama isu bau yang terhasil adalah disebabkan oleh penternakan secara berpusat di mana terdapat 61 buah ladang babi dengan populasi sebanyak 108,856 ekor dan kolam kumbahan serta sisa tapisan *solid* yang tidak diuruskan dengan baik.

Sisa tapisan *solid* yang terhasil tidak mempunyai lokasi dan tempat yang bersesuaian untuk dilupuskan. Perkara yang perlu diambil kira adalah tanah yang dicadangkan atau dikhaskan untuk tujuan

pengurusan sisa tapisan *solid* ini perlulah jauh daripada sumber air serta mempunyai rawatan yang efisien.

JPVPP telah berunding dengan Persatuan Penternak Babi Kampung Selamat dan bersetuju untuk membina fasiliti biogas dengan mengguna pakai kepakaran Syarikat Timeless Green Sdn Bhd. Syarikat Timeless Green Sdn Bhd pada masa kini telah membina fasiliti biogas di Kampung Valdor yang kini dalam proses mengumpul sisa-sisa daripada ladang babi untuk dirawat.

- (a) Agensi yang bertanggungjawab mengatasi masalah ini adalah pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan JPVPP. Antara usaha yang telah dan sedang dilakukan adalah seperti berikut:
  - (i) Penyelarasan dalam aspek pelesenan antara MBSP dan JPVPP di mana kesemua ladang yang gagal mendapatkan Lesen Ternakan Babi JPVPP disekat Lesen Premis MBSP;
  - (ii) MBSP terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Tetap bagi Jawatankuasa Pelesenan Ladang Babi peringkat negeri; dan
  - (iii) Tindakan penguatkuasaan berprinsipkan *double action* antara MBSP dan JPVPP di mana pihak MBSP mengeluarkan notis, kompaun dan memfailkan pendakwaan mahkamah di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 di samping penguatkuasaan oleh JPVPP.
- (b) Kedua-dua agensi ini turut melakukan pemantauan ke atas isu ini. Pemantauan dilaksanakan oleh JPVPP dengan pemeriksaan ladang berdasarkan Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020. Hasil pengambilan bacaan bau di dalam ladang babi di Kampung Selamat mendapati bacaan bau di dalam kandang tertutup adalah tidak melebihi had yang ditetapkan. Bacaan bau yang diukur adalah gas Ammonia dan gas Hidrogen Sulfida seperti yang digariskan di dalam Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020.

MBSP turut melaksanakan pemantauan samada secara berjadual (rutin) atau susulan aduan melibatkan kepatuhan syarat pelesenan

premis di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980 dan juga pemantauan kacau ganggu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

28. Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah serangan babi hutan dan kera yang memusnahkan tanaman penduduk di Kampung Pantai Kamloon?
- (a) Senaraikan bilangan operasi dan bilangan haiwan yang telah ditangkap sejak tahun 2022 sehingga kini.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang dipertanggungjawabkan bagi pengurusan berkaitan konflik manusia - hidupan liar terutama dari spesis kera, babi hutan dan lain-lain spesis hidupan liar. Dalam usaha mengatasi masalah berkaitan hidupan liar ini, Jabatan PERHILITAN telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:
1. Menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan hidupan liar yang dilaporkan;
  2. Pemantauan di lokasi aduan dan memberikan khidmat nasihat berkaitan pencegahan gangguan hidupan liar;
  3. Memasang perangkap-perangkap hidupan liar di lokasi yang sesuai;
  4. Menjalankan operasi basmi musuh tanaman (kera/babi hutan) di lokasi aduan.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang merupakan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi pengurusan berkaitan konflik manusia - hidupan liar terutama dari spesies kera, babi hutan dan lain-lain spesies hidupan liar.

Di samping itu, Jabatan PERHILITAN juga telah memasang perangkap-perangkap hidupan liar di lokasi yang sesuai serta menjalankan Operasi Basmi Musuh Tanaman (kera/babi hutan) di lokasi aduan. Bilangan operasi dan haiwan yang telah ditangkap dari tahun 2022 sehingga 9 Mei 2024 adalah seperti berikut:

- Bagi spesies kera, sebanyak tiga (3) operasi pemasangan perangkap hidupan liar dan telah memerangkap sembilan belas ekor (19) ekor kera;
- Bagi spesies babi hutan, sebanyak dua (2) operasi basmi musuh tanaman (babi hutan) telah dijalankan dan melupuskan tiga (3) ekor babi hutan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

29. Berapakah jumlah matrik tan padi yang dibeli oleh Kilang Padi Bernas di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan petani menjual kepada kilang Bernas?
- (b) Berapakah kuota belian beras yang diberi kepada petani yang menjual padi kepada Bernas?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Jumlah padi yang dibeli oleh Kilang Padi BERNAS di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga tahun 2024 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Padi (tan metrik)</b>
2020	17,544.873
2021	13,605.946
2022	13,383.080
2023	9,507.444
2024 (hingga 30 April 2024)	3,072.809

- (a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pemandu Industri Padi dan Beras Negeri Pulau Pinang telah meminta semua jabatan/agensi yang menjadi ahli jawatankuasa untuk

menggalakkan petani menjual hasil padi kepada kilang BERNAS.

- (b) Kuota belian beras yang diberi kepada petani yang menjual padi kepada BERNAS adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XIV)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

30. Apakah usaha kerajaan dalam menambah kekerapan penyelenggaraan sungai dan saliran di DUN Pinang Tunggal khususnya pada musim hujan?
- (a) Senaraikan kontraktor yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan di DUN ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) sentiasa memantau keadaan sungai dan saliran di semua daerah di Pulau Pinang dan merancang kerja-kerja penyelenggaraan berdasarkan kepada keperluan semasa dan ketersediaan peruntukan. Bagi daerah Seberang Perai Utara, khususnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pinang Tunggal, kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan saliran kini dilaksanakan dengan kekerapan lima (5) pusingan dalam tempoh setahun. JPS Seberang Perai Utara (JPS SPU) mempunyai perancangan untuk menambah pusingan kerja dengan kekerapan sebanyak dua belas (12) pusingan setahun mulai tahun 2025 tertakluk kepada ketersediaan peruntukan pada waktu tersebut.
- (a) Senarai kontraktor yang bertanggungjawab untuk menyelenggara sistem saliran dan perparitan di DUN Pinang Tunggal adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A****JADUAL 1: SENARAI KERJA DAN KONTRAKTOR  
PENYELENGGARAAN DI DUN PINANG TUNGGAL**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERJA</b>	<b>KONTRAKTOR</b>
1	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di Blok P1A dan P1B Skim Pinggir Pengairan Pinang Tunggal	Sri Tilandsia Enterprise
2	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di Blok P2 (Sistem PB) Skim Pengairan Pinang Tunggal	Curah Lumayan Enterprise
3	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di Blok P2 (Sistem PS) Skim Pengairan Pinang Tunggal	MB Mutiara Bina
4	Kerja-kerja penyelenggaraan Rumah Pam Pinang Tunggal	EP Enable Global
5	Kerja-kerja penyelenggaraan saluran Kampung Selamat, Tasek Gelugor (Pakej 3)	Wan Idaman Enterprise
6	Kerja-kerja penyelenggaraan saluran Tasek Gelugor dan Sungai Korok (Pakej 6)	BB Cemerlang 74 Enterprise
7	Kerja-kerja penyelenggaraan alur dan lubang pinjam ( <i>borrow pit</i> ) dari kawasan Permatang Bendahari ke Pinang Tunggal (Pakej <i>Borrow Pit</i> )	Reno Takumi Enterprise